Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**
Tel. : **03-8870 0015**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : **www.sprm.gov.my**
Twitter : **twitter.com/SPRMMalaysia**
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## SPRM SIASAT PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN NEGERI PAHANG

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang telah memulakan siasatan berkaitan isu pencerobohan tanah kerajaan negeri Pahang yang dijadikan ladang durian secara haram di Raub.

Ketika ini, SPRM sedang mengumpul maklumat dan meneliti beberapa dokumen berkaitan daripada pihak terlibat.

Sehubungan itu, SPRM meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan pencerobohan tanah di Raub untuk melaporkan terus kepada pejabat SPRM berdekatan.

SPRM juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dengan kegiatan rasuah atau salah guna kuasa dalam isu ini.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**
**PUTRAJAYA**

**8 SEPTEMBER 2020**

Bahagian Komunikasi Strategik
Strategic Communication Division

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi** Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Kamaruddin M. Ripin (019-6217577) atau Azrai Mohammad (019-6106962)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).